



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my
Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

19 Februari 2024

KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT MENERUSI MCS

TENOM (Sabtu) : Kumpulan Yayasan Sabah turut serta menjayakan program Mobile Community Services (MCS) (Perkhidmatan Komuniti Bergerak) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan pada 17 Februari 2024 bertempat di Kg. Alutok, Kemabong, Tenom. Program setengah hari ini melibatkan lebih 30 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS), University College Sabah Foundation (UCSF) dan pameran produk Pusat Kraftangan Sabah.

Program MCS merupakan salah satu usaha kerajaan secara bersepadu untuk mendekati rakyat kepada pelbagai jenis perkhidmatan di lapangan khususnya di luar bandar dan pedalaman yang berhadapan dengan isu-isu kebolehcapaian. Menerusi program ini, Kumpulan Yayasan Sabah merakmatkan perkhidmatan masyarakat setempat menerusi akses dan informasi mengenai aktiviti pendidikan dan pembangunan kapasiti yang diterajui oleh Kumpulan Yayasan Sabah.



Gambar 1: Ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Kg. Alutok, Kemabong, Tenom



Gambar 2: Para pengunjung diberi penerangan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Kg. Alutok, Kemabong, Tenom



Gambar 3: Sebahagian masyarakat setempat yang mengunjungi ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Kg. Alutok, Kemabong, Tenom.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com